

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
meresmikan Pembukaan Sekolah Menengah Seri Mutiara,
Pulau Pinang pada 15hb. September 1971, jam 9.30 pagi

Terlebeh dahulu saya ucapkan terima kaseh pada Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola, Guru Besar, Guru2, Ibu2 bapa dan penuntut2 sakalian kerana telah menjemput saya hadzir di-upachara Pembukaan Resmi Bangunan Sekolah Seri Mutiara, Pulau Pinang ini pada pagi ini.

Negara kita ia-lah sa-buah negara muda yang sedang membangun dan kejayaan2 yang telah dapat kita chapai dalam masa 14 tahun yang lalu mengkagumkan dunia seluruh-nya. Telah banyak kejayaan yang telah kita chapai namun demikian Kerajaan maseh berusaha dan maseh meranchangkan banyak lagi perojek2 sama ada pembangunan ekonomi mahu pun masharakat dan sosial termasuk pelajaran untok di-nekmati oleh tiap2 orang warganegara di-dalam negara ini.

Dalam masa penjajahan dahulu, kita mempunyai sekolah2 menengah hanya di-bandar2 yang besar sahaja dan bilangan-nya boleh-lah di-hetong dengan jari. Tetapi semenjak kemerdekaan kita perolehi negara kita ini telah mengadakan sekolah menengah di-seluruh cherok rantau di-negara kita sebagaimana yang terdapat di-tempat ini, yang kita lihat chantek tersergam di-bena. Ada-lah menjadi dasar penjajah ia-itu tidak mahu memberi latehan atau menyediakan orang2 kita dengan sechara sedar untok melengkapkan diri bagi kita berdiri di-atas kaki sendiri.

Malaysia saperti yang kita sama2 mengetahui ia-lah sebuah negara yang mengamalkan dasar demokrasi, dan kita mendukung chita2 hendak memelihara satu chara hidup kemokratik di-mana penguasaan akan terletak kepada raayat yang bertindak melalui Parlimen yang di-lantek menurut Perlembagaan. Kita semua menganggap diri kita sebagai raayat Malaysia dengan tidak mengira keturunan dan keperchayaan ugama masing2. Dalam sistem yang kita anuti atau gunakan hari ini kita mesti-lah mementingkan bangsa dan negara lebeh daripada yang lain.

Pada hari yang bersejarah bagi pembukaan sekolah ini suka-lah saya mengumumkan kerana memandangkan ramai di-antara penuntut2 yang hendak melanjutkan pelajaran ka-Tingkatan VI pada tahun2 yang berikut bahawa mulai tahun 1972 Kertas 'Am untok chalun2 yang mengambil pepereksaan Sijil Tinggi Persekolahan (HSC) dalam bahasa Malaysia tidak lagi akan di-adakan dalam bahasa Inggeris. Ia-itu dengan ini bermanna-lah bahawa Kertas 'Am tersebut akan di-adakan dalam Bahasa Malaysia. Saperti Kertas 'Am Bahasa Inggeris, Kertas 'Am dalam Bahasa Malaysia ini juga bertujuan untok menduga kematangan pemikiran yang agak luas dalam perkara 'am.

Walau bagaimana pun, suka-lah saya menyebutkan di-sini ia-itu di-samping Kertas 'Am ini yang mementingkan kelulusan menjadi syarat mutlak untuk membolehkan sa-saorang chalun mendapat sijil penoh maka di-adakan juga Kertas 'Am 'Use of English' untuk chalun2 Sijil Tinggi Persekolahan aliran Bahasa Malaysia. Ini bererti bahawa chalun2 aliran Bahasa Malaysia akan mengambil Kertas 'Am dalam Bahasa Malaysia ia-itu yang saya sebutkan dahulu kelulusan dalam-nya menjadi syarat mutlak untuk mendapat sijil penoh dan 'Use of English' yang merupakan bahasa Inggeris yang bertujuan untuk menduga kebolehan chalun2 di-dalam menguasai bahasa Inggeris. Dengan ada-nya perubahan ini, saya berharap tidak akan timbul lagi soal penuntut2 aliran Melayu gagal peperiksaan itu di-sebabkan oleh Kertas 'Am, dan sebak-nya saya ingin melihat lebeh ramai lagi penuntut2 yang mengambil peperiksaan ini lulus dengan ada-nya Kertas 'Am di-dalam Bahasa Malaysia mulai tahun 1972.

Kapada penuntut2 sakalian di-Sekolah Seri Mutiara ini saya menyeru agar mereka dapat membuat satu pencepaaian yang baik dalam peperiksaan2 yang bakal mereka ambil sama ada peperiksaan SRP atau pun SPM oleh kerana saya dapati banyak di-antara Sekolah2 Menengah Perempuan di-negara kita ini telah menchipta rekod atau pencepaaian yang baik di-dalam peperiksaan2 itu. Maka tidak ada sebab yang boleh menghalang penuntut2 di-sekolah ini berbuat demikian. Tetapi saya serahkan ini semua kapada penuntut2 sendiri dan juga kapada guru2 untuk memimpin dan menunjak ajar murid2 ini untuk menchapai kejayaan yang chemerlang. Kapada ibu2 bapa di-kawasan ini dan di-lain2 tempat di-harap akan memberikan kerjasama dan juga bantuan dan nasehat kapada anak2 kita supaya mereka belajar dengan bersungguh2 dan menggunakan sebaik2-nya segala kemudahan yang di-sediakan oleh Kerajaan.

Akhir kata, sekali lagi saya mengambil peluang untuk menguchapkan sa-tinggi2 tahniah kapada Jawatankuasa yang mengelola upachara pembukaan resmi Sekolah Seri Mutiara, Pulau Pinang dengan meriah-nya dan di-harap kerjasama sa-umpama itu akan berkekalan. Uchapan terima kaseh saya di-tujukan kapada Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola, guru2, ibu2 bapa dan penuntut2 sakalian kerana telah menjemput saya hadzir dan memberi penghormatan meresmikan pembukaan sekolah ini.

Dengan itu, saya dengan segala sukachita-nya meresmikan pembukaan Sekolah Menengah Seri Mutiara, Pulau Pinang.



No Siri	67
No Penerimaan	67/80